



SETIAUSAHA

Secretary

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

Public Services Commission Malaysia

ARAS 10, BLOK C7, KOMPLEKS C,

PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

62520 PUTRAJAYA.



Telefon : 03-8885 6000

Fax : 03-8888 5034

Web : <http://www.spa.gov.my>

Ruj. Kami: SPA(KT)217/3069Jld.2 (17)

Tarikh: 21 Mei 2016

21

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian
YB Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri
Ketua-Ketua Jabatan/ Perkhidmatan Persekutuan

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PENENTUAN GAJI PERMULAAN YANG LEBIH TINGGI KEPADA PEGAWAI LANTIKAN TETAP UNTUK KALI PERTAMA MENGIKUT PERATURAN 25(2), PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (PELANTIKAN, KENAIKAN PANGKAT DAN PENAMATAN PERKHIDMATAN) 2012

Dengan segala hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan kepada perkara di atas.

2. Penentuan gaji permulaan bagi penjawat awam yang mempunyai pengalaman relevan dengan jawatan yang disandangnya di bawah P.U. (A) 1/2012 adalah diperuntukkan mengikut Peraturan 25 seperti berikut:

- (a) Peraturan 25(2), jika seseorang pegawai yang akan dilantik untuk kali pertama memiliki pengalaman kerja yang berkaitan dengan jawatan yang akan disandangnya, dia boleh diberikan gaji permulaan yang lebih tinggi;
- (b) Peraturan 25(3), jika Suruhanjaya mempertimbangkan gaji permulaan yang lebih tinggi di bawah subperaturan (2), penentuan gaji yang lebih tinggi itu hendaklah berdasarkan satu pergerakan gaji biasa bagi tiap-tiap genap satu tahun pengalaman kerja yang berkaitan itu, terhad kepada gaji maksimum di gred jawatan tersebut;
- (c) Peraturan 25(4), walau apa pun subperaturan (3), Suruhanjaya mempunyai budi bicara untuk menentukan sebahagian atau sepenuhnya

“PERKHIDMATAN AWAM UNTUK SEMUA”



bilangan tahun pengalaman kerja yang berkaitan untuk diambil kira bagi menentukan gaji permulaan yang lebih tinggi; dan

- (d) Peraturan 25(5), pengalaman kerja yang dianggap berkaitan bagi seseorang pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional ialah pengalaman kerja yang diperoleh selepas pegawai itu mendapat kelayakan profesional atau akademik sebagaimana yang ditentukan dalam skim perkhidmatan yang berkenaan.

3. Dalam mempertimbangkan gaji yang lebih tinggi, ianya perlu disokong oleh dokumen-dokumen berikut:

- (a) surat permohonan dan surat iringan daripada Kementerian/ Jabatan;
- (b) salinan Kenyataan Perkhidmatan yang lengkap dan disahkan (perlu ada catatan mengenai urusan Pengesahan Pelantikan);
- (c) senarai tugas jawatan sekarang dengan menggunakan surat rasmi Jabatan;
- (d) surat pengiktirafan Ketua Jabatan yang mengesahkan pengalaman terdahulu adalah bersesuaian dengan jawatan sekarang;
- (e) perbandingan senarai tugas di sektor awam dan swasta oleh Ketua Jabatan;
- (f) surat pengesahan jawatan, butir-butir perkhidmatan beserta senarai tugas daripada majikan swasta dengan menggunakan surat rasmi syarikat;
- (g) salinan penyata Caruman KWSP/ EA LHDN; dan
- (h) salinan sijil/ diploma/ ijazah/ sarjana.

4. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan, SPA telah membuat semakan semula ke atas pelaksanaan penentuan gaji permulaan yang lebih tinggi bagi pegawai lantikan pertama di dalam skim teknikal/ setaraf teknikal yang mempunyai pengalaman di sektor swasta. SPA dalam Mesyuarat Khas Suruhanjaya Bilangan 1/2016 pada 25.02.2016 telah menetapkan supaya pegawai yang memohon memenuhi kriteria-kriteria berikut:

- (a) telah berkhidmat tidak kurang daripada satu (1) tahun dalam jawatan yang disandang;
- (b) mencapai markah prestasi sekurang-kurangnya 85% bagi Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT);
- (c) laporan prestasi oleh majikan di sektor swasta; dan

(d) permohonan hanya akan dipertimbangkan dalam tempoh maksimum percubaan asal mengikut skim perkhidmatan yang berkuat kuasa.

5. Surat edaran ini berkuat kuasa mulai **1 Jun 2016**. Sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara ini boleh dikemukakan kepada pegawai berikut:

- | | | | |
|-----|--|---|--------------|
| (a) | Puan Norliza binti Abdul Aziz
norliza@spa.gov.my | - | 03-8880 6488 |
| (b) | Puan Nor'Aini binti Mamat
noraini_m@spa.gov.my | - | 03-8885 6234 |
| (c) | Encik Zulhilmi bin Mohd Husin
zulhilmi@spa.gov.my | - | 03-8885 6232 |

6. Kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan dalam perkara ini adalah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"BERSAMA MENGGALAS TRANSFORMASI"

Saya yang menurut perintah,

(DATO' ZAINAL ABIDIN BIN AHMAD)
Setiausaha
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Malaysia